

**PENGURUSAN TEATER FORUM: SATU INOVASI TEKNIK DALAM PEDAGOGI
PENDIDIKAN MORAL DI SEKOLAH MENENGAH**

Nadarajan a/l Thambu*
Vishalache Balakrishnan

Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
nadarajanthambu@gmail.com*

ABSTRACT

Produce a creative, innovative and critical thinking of Malaysian society is a aspirations of Malaysia Education Blueprint 2013-2025. In this regard, the use of an innovative teaching techniques which can stimulate holistic human development among students is the current concern. Pedagogy and classroom teaching techniques are essential to determine the students' cognitive skills, affective skills and psychomotor skills so that they can be competent in both domestic and international level. This article discusses the use of Forum Theatre technique in Moral Education class in secondary schools. The four stages of Forum Theatre were used in Moral Education classes. The results showed that Forum Theatre technique is able to develop moral reasoning, moral emotion and moral behaviour among form four students; which are important for human capital development in the era of globalization.

Keywords: Pedagogy; Technique; Moral Education; Forum Theatre; Anti-model play; intervention play

PENGENALAN

Program Pendidikan Moral di Malaysia ialah satu program untuk mendidik murid supaya menjadi insan bermoral, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan boleh menyumbang ke arah keharmonian, kestabilan negara serta masyarakat global (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral, KBSM, 2000). Program ini juga diharap dapat melahirkan individu yang mempunyai obligasi moral dan sosial terhadap segala keputusan dan tindakan yang dilakukan (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral, KBSM, 2000). Oleh itu, pengajaran di kelas perlu menjurus kepada penerapan aspek penaakulan moral, perasaan moral dan tingkah laku moral secara sepadu.

Namun, kajian pula menunjukkan wujudnya pelbagai masalah dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini di Malaysia (Barone, 2004; Liao et al., 2003). Pengajaran guru masih menekankan aspek kognitif dan kurang penekanan kepada aspek perkembangan sosial dan perasaan moral murid (Vishalache, 2009). Strategi dan teknik pengajaran moral juga masih mementingkan hafalan nilai dan pengajaran guru masih sehalu dan bersifat memindahkan fakta moral daripada Huraian Sukatan Pelajaran serta buku teks ke dalam minda murid (Abd. Shatar, 2009).

Proses pengajaran begini menurut Chia (2007), jelas tidak mengambil kira aspek perasaan moral dan elemen hati nurani yang berfungsi dalam menyepadukan ketiga-tiga aspek dalam dimensi moral. Matlamat pengajaran Pendidikan Moral oleh guru yang seolah-olah mahu memastikan murid mempunyai pengetahuan moral (aspek kognitif) sahaja tanpa mengembangkan aspek perasaan, sebenarnya tidak dapat menjamin perlakuan atau tindakan moral seseorang (Chia, 2007). Hal ini

berdasarkan fakta bahawa murid yang tidak ada perasaan moral sebenarnya tidak mempunyai motivasi untuk bertindak secara bermoral atau mengambil keputusan secara bermoral (Rest, 1984). Jelasnya, kelompangan (*gap*) di antara aspek perasaan dan tindakan moral tidak dipenuhi atau “dihubungkan” oleh teknik pengajaran pendidikan moral yang sedia ada.

Dalam pada itu, kewujudan pelbagai masalah sosial seperti pecah rumah, membuli dan penularan budaya gengsterisme serta hedonisme yang melibatkan murid semakin meningkat di negara kita (Zainul Arifin Md. Isa 2012). Senario ini menyebabkan pihak berwajib pendidikan dan ibu bapa meminta pihak sekolah untuk meninjau semula keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral (Ibrahim Bajunid, 2012). Malahan mereka juga mendesak Pendidikan Moral harus merangsang kemoralan individu untuk bertindak mempraktikkannya dalam bentuk tingkah laku moral (Alam Sher Malik, 2012). Justeru, kepincangan dalam pengajaran Pendidikan Moral disandarkan sebagai punca “gersangnya kemanusiaan”, dalam kalangan murid dan masyarakat (Zainul Arifin Md. Isa 2012).

Maka penggunaan teknik pengajaran alternatif dan inovatif seperti Teater Forum (Boal, 2008) menjadi tuntutan semasa. Teater Forum ialah satu teknik pengajaran dan pembelajaran interaktif yang memerlukan murid terlibat secara aktif dalam proses mengolah skrip, berdialog, terlibat dalam forum, berlakon dan meluahkan idea (Hewson, 2007). Teknik pengajaran interaktif ini memberikan peluang kepada murid sedar dan terlibat secara kognitif, melihat sesuatu konflik moral secara kritis, mencari penyelesaian kepada masalah serta melahirkan murid yang memiliki sensitiviti moral, perasaan, dan tingkah laku moral seperti yang dituntut dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Pukal Latihan KBSM, Falsafah Pendidikan Negara, 1990).

SOROTAN KAJIAN

Teater Forum ialah satu bentuk teater yang diasaskan oleh Augusto Boal dari Brazil (2006, 2008). Teater Forum mempunyai empat langkah iaitu mengembangkan skrip, lakonan anti-model, sesi forum dan intervensi. Teater interaktif ini mempunyai ciri-ciri seperti pembelajaran aktif yang berpusatkan murid, menyediakan pengalaman moral dalam bentuk latihan bersiri secara langsung di dalam kelas (Osburn, 2010).

Teknik ini memberikan murid perasaan kepunyaan terhadap isu moral yang dipelajari (Day, 2002). Perasaan kepunyaan ini merujuk kepada cara murid memudahkan dan mengubah suai sesuatu isu moral yang dialami dengan mencipta skrip secara sendiri (langkah mengembangkan skrip) dan melakonkan skrip yang dicipta (lakonan anti-model) untuk memaparkan isu tersebut kepada masyarakat. Maka teknik Teater Forum menjadi alat untuk mengetengahkan isu-isu moral dengan mudah untuk kesedaran sendiri dan tatapan masyarakat (Colby & Kohlberg, 2011). Sebagai contoh, isu buli yang dilakonan akan memberi peluang kepada murid untuk mengalami keperitan menjadi mangsa buli secara fizikal dan mental, yang juga dapat meningkatkan kesedaran murid yang menonton (Gourd & Gourd, 2011).

Dalam Teater Forum, Boal (2008) telah memberikan kuasa kepada penonton. Peranan penonton (*spectators*) akan berubah menjadi *spect-actor* dalam Teater Forum. Setiap orang digalakkan mengambil bahagian dalam lakonan yang dipentaskan. Penonton diberikan peluang untuk campur tangan dalam lakonan yang sedang berlangsung dengan memberi komen pada aksi, mencelah secara langsung dalam aksi tersebut, berlakon (mengambil alih peranan watak) serta cuba membawa pementasan/lakonan tersebut kepada kesimpulan yang berbeza.

Selain itu, Teater Forum memberikan guru Pendidikan Moral pilihan untuk mengaitkan kandungan moral dengan lebih kreatif. Kaedah ini memberikan fokus kepada masalah dan isu yang diambil daripada pengalaman hidup sebenar murid. Murid terlibat secara sendiri untuk berdialog tentang isu moral secara terbuka sambil mencari alternatif penyelesaian yang terbaik. Proses ini menggalakkan mereka terlibat dalam pemikiran kritis, perlakuan kritis dan perasaan kritis (Abrahams, 2005). Kemahiran ini membolehkan murid bersuara dan bertindak dalam menangani masalah sosial dalam masyarakat (Dennis, 2009). Jelasnya, kemahiran penyelesaian yang digunakan dalam teater pula dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah sebenar yang dihadapi dalam kehidupan harian mereka (Rutten et al., 2010).

Justeru, Teater Forum mencadangkan bahawa pedagogi pengajaran yang bercirikan dialog dan pernyataan masalah manusia yang sebenar mampu menjana keinsafan murid. Tujuan pengajaran bukan untuk membimbing murid menghafal fakta dan isi kandungan moral secara mekanikal tetapi melibatkan mereka dalam proses dialog tentang realiti kehidupan sebenar, konflik moral, kreativiti, kesedaran dan perubahan tingkah laku (Kincheloe, 2008). Keinsafan atau kesedaran pula mendorong kepada transformasi dalam realiti kehidupan. Dalam konteks kajian ini transformasi yang dinyatakan melibatkan perubahan murid secara positif dari aspek pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Individu yang berubah pula akan berusaha untuk mengubah kepincangan dalam masyarakat kerana individu ialah agen moral dalam masyarakat.

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini ialah untuk:

- i. Meneroka perkembangan penaaakulan moral dalam kalangan murid yang terlibat dalam Teater Forum.
- ii. Mengkaji potensi Teater Forum dalam mengembangkan emosi moral dalam kalangan murid.
- iii. Menggalurkan perkembangan amalan moral murid yang terlibat dalam Teater Forum.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dalam reka bentuk kajian tindakan. Kemmis dan McTaggart (1988) menggambarkan kajian tindakan dalam bentuk gelungan. Setiap gelungan mempunyai empat fasa iaitu: i. merancang (*plan*), ii. bertindak (*action*), iii. memerhati (*observe*) dan iv. mengkaji semula (*reflect*). Reka bentuk kajian tindakan ialah satu prosedur sistematik yang digunakan oleh guru dalam konteks sekolah khususnya di bilik darjah untuk meneroka pengetahuan, mengkaji dan memperbaiki amalan pengajarannya serta kaitannya dengan keberkesanan pembelajaran dalam kalangan murid yang diajarnya (Chow & Jaizah, 2011, McNiff & Whitehead, 2010).

Teknik pemilihan peserta kajian secara pensampelan bertujuan digunakan (Richards & Morse, 2007). Seramai 18 orang murid perempuan dan lelaki (tiga kumpulan berfokus) dari kelas Pendidikan Moral tingkatan empat telah digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Protokol pemerhatian di bilik darjah, protokol temu bual dan panduan penulisan jurnal digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data kualitatif. Kesahan kandungan instrumen telah diperolehi melalui komen dan kritikan daripada pakar dalam Pendidikan Moral dan Teater.

Prosedur Kajian Tindakan

Kajian tindakan bermula dengan gelung pertama. Dalam gelungan pertama, fasa I, penyelidik telah merancang satu pelan tindakan am dengan memperkenalkan dan menggunakan teknik Teater Forum dalam pengajaran. Dalam fasa II, murid terlibat dalam empat langkah Teater Forum iaitu sesi mengembangkan skrip, lakonan anti-model, sesi forum dan lakonan intervensi. Pada masa yang sama (fasa III), penyelidik juga telah memerhatikan kemajuan pelaksanaan teknik Teater Forum sambil mengutip data tentangnya. Dalam fasa IV (refleksi), data yang dikutip telah dianalisis untuk mengetahui keupayaan Teater Forum dalam mengembangkan aspek penaaakulan, emosi dan amalan murid. Prosedur yang sama digunakan dalam gelung kedua dan ketiga untuk mendapatkan data tepu bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian.

Prosedur Mengutip Data

Penyelidik menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan data (Bogdan & Biklen, 2007). Kaedah utama ialah temu bual kumpulan berfokus yang dijalankan ke atas kumpulan murid yang terpilih. Semua sesi temu bual dirakam secara audio, ditranskripsi, dan diberikan kod untuk dianalisis. Semua transkripsi dan laporan verbatim diberikan semula kepada peserta bagi memeriksa ketepatan tentang apa yang telah mereka katakan. Selain itu, penyelidik juga menggunakan dokumen (penulisan

jurnal murid) dan data pemerhatian di dalam bilik darjah. Teknik triangulasi digunakan untuk mengesahkan data daripada ketiga-tiga sumber ini demi memperkukuh kesahan dapatan kajian.


Kaedah Menganalisis Data

Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tema (*thematic analysis*) berdasarkan langkah-langkah yang disyorkan oleh Braun dan Clarke (2006). Proses analisis data kualitatif yang melibatkan langkah-langkah seperti matriks pengurusan data, transkripsi, penyaringan data, pengekodan, penghasilan tema dan sub-tema serta paparan hasil (Boeije, 2010) dilaksanakan oleh penyelidik. Data dalam bentuk transkrip temu bual, catatan jurnal dan catatan pemerhatian dipindahkan dalam bentuk kod (*coding*). Bagi Corbin dan Strauss (2008) pengekodan (*open coding, axial coding dan selective coding*) merupakan cara untuk menyusun dan memecahkan data kepada kategori yang mudah. Melalui pengekodan, data yang berhubung kait dengan sesuatu idea, tema atau kategori mudah dikenal pasti. Kesemua data yang diperolehi disusun untuk menjawab soalan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Perkembangan Penaakulan Moral

Hasil kajian menunjukkan Teater Forum mengembangkan aspek penaakulan moral murid tingkatan empat. Unsur pemikiran, pertimbangan dan justifikasi didapati wujud dan diaplikasikan dalam proses penaakulan moral oleh peserta. Kajian juga menunjukkan murid memperluas unsur pemikiran moral, unsur pertimbangan yang teliti dalam membuat keputusan dan unsur justifikasi terhadap tindakan yang dipilih dalam sesuatu konteks. Kemahiran penguasaan unsur-unsur ini iaitu pemikiran, pertimbangan dan justifikasi membuktikan perkembangan aspek penaakulan moral murid. Rujuk rajah 1.1.



Rajah 1.1. Proses Perkembangan Penaakulan Moral

Murid dapat berfikir secara munasabah dalam mengenal pasti situasi yang melibatkan isu moral. Mereka mampu membuat pentafsiran sama ada situasi yang dihadapi oleh mereka ialah situasi yang melibatkan isu moral atau tidak. Rujuk temu bual berikut:

“Pelajar perlu berfikir dan elakkan tingkah laku negatif seperti, watak Tan, yang tidak hormati guru, dan dia yang menuduh guru kelas yang melaporkan kesalahan dan sebagainya. Tingkah laku Tan yang minta maaf atas kesalahannya...itu baik...itu perlu diikuti semua pelajar”.. [smk Cahaya/z017/temkumfokus/gel 2/ 22.2.13]

Selain membuat pentafsiran moral peserta kajian juga menyokong tingkah laku yang berdasarkan prinsip-prinsip yang diterima secara rasional. Berikut ialah catatan jurnal seorang murid.

Penglibatan saya dalam lakonan anti-model, telah mengajar saya apakah akibatnya jika saya tidak mematuhi peraturan jalan raya dan melanggar undang-undang *road block*.. Polis saman saya sebab saya tak bawa lesen... Keadaan macam ini perlu dielakkan dalam hidup saya. [smk Sinar/Jur/gel1 /23.1.13]

Murid juga mengakui, sikap memahami sesuatu keadaan terlebih dahulu sebelum bertindak dan mengamalkan tingkah laku yang sesuai dengan nilai masyarakat, sebagai pemikiran moral yang munasabah. Data pemerhatian dalam lakonan intervensi gelung kedua menunjukkan peserta dapat memaparkan pemikirannya bahawa murid yang mengawal diri dan mengikuti peraturan sekolah perlu dilayan dengan baik. Peserta bersetuju murid perlu ada sikap menghormati guru. Jika murid hendak menuntut hak, hak itu perlu dituntut dengan cara yang baik, terhormat dan tanpa menjejaskan maruah diri. Peserta berpendapat watak Tan perlu menuntut haknya dengan cara yang lebih bersopan dan bermaruah. [smk Cahaya/ protopemer/gel 2/nada/8.3.2013]

Selain pemikiran moral, pertimbangan yang teliti dalam membuat sesuatu keputusan juga menjadi elemen penting dalam proses penaakulan moral individu. Hasil temu bual menunjukkan peserta dapat mempertimbangkan isu moral yang dihadapi dengan mengambil kira pelbagai sebab dan punca yang ada sebelum mencadangkan strategi penyelesaian.

“Aktiviti lakonan anti-model menunjukkan masalah dalam sebuah keluarga. Keluarga itu menentang cita-cita seorang anak yang mahu jadi penyanyi... Dalam situasi ini ayah macam tak ada nilai sikap keterbukaan, rasional dan kasih sayang...Dalam lakonan intervensi kita ada masukkan nilai-nilai ini kepada watak bapa...supaya beliau menjadi seorang bapa yang baik dan menyokong minat anaknya”. [smk Cahaya/016/temkumfokus/gel 3/2.4.2013]

Setelah isu moral tersebut difahami, peserta kajian menghuraikan punca dan sebab-musabab kepada konflik yang wujud dalam sesuatu situasi yang dipaparkan. Berikut ialah petikan catatan jurnal beberapa peserta kajian.

Dalam lakonan anti-model saya faham konflik yang wujud di antara Wilson dan pihak polis. Punca konflik ialah tidak ada sikap tolak ansur antara Polis dan Wilson. [smk Cahaya/Jur/gel 1/3.2.13].

Apabila mendengar suara yang lembut dan berbudi bahasa, Wilson tak marah dan gaduh sebab hati dia sejuk bila polis bercakap dengan baik.[smk Sinar/Jur/gel 3/6.3.13]

Murid dapat memahami situasi yang diwujudkan dalam lakonan anti-model dan mencadangkan strategi penyelesaian melalui sesi forum dengan mempertimbangkan pelbagai faktor. Analisis data pemerhatian terhadap lakonan anti-model dan intervensi dalam gelung ketiga menunjukkan strategi penyelesaian yang disyorkan oleh peserta. Peserta percaya semua ahli keluarga perlu ada nilai moral untuk membentuk keluarga yang selamat dan harmoni. Dalam pada itu, peserta juga menunjukkan perlunya nilai seperti saling membantu dan bekerjasama, amanah, baik hati dan

rasional kepada adik-beradik dalam keluarga agar mereka boleh bertindak membantu ahli keluarga yang berada dalam kesusahan atau konflik. [smk Sinar/propemer/gel3/ros/5.3.2013]

Membuat justifikasi terhadap tindakan yang diambil menjadi satu lagi elemen penting dalam proses penaakulan moral individu. Rujuk temu bual berikut:


“Macam lakonan intervensi...menunjukkan kita sebagai bapa perlu bertindak memahami cita-cita anak dan menghargainya...bapa perlu mendengar pendapat anak... anak pula harus menyatakan pendapat kepada ibu bapa dengan tidak meninggikan suara...tindakan meninggikan suara terhadap ibu bapa tidak betul”. [smk Cahaya/016/temkumfokus/gel 3/2.4.2013]

Setelah memilih tindakan yang sesuai, individu juga perlu memberikan kewajaran kepada pilihan tindakan itu, sebagai cara untuk menjustifikasikan tindakan yang menjadi pilihan mereka. Berikut ialah bukti catatan jurnal murid.

Dalam lakonan intervensi saya bertindak sebagai polis yang baik dan tidak sombong dengan pangkat yang ada. Tindakan saya yang bercakap dengan sopan dan mesra telah mengelakkan pergaduhan dan masalah dengan pengguna jalan raya seperti Wilson. [smk Sinar/Jur/gel 1/23.1.13]

Perkembangan Emosi Moral

Dapatan kajian menunjukkan Teater Forum boleh mengembangkan aspek emosi moral peserta. Penglibatan murid dalam Teater Forum telah mencetuskan kesedaran tentang perasaan yang wujud dalam diri sendiri dan terhadap orang lain. Rujuk rajah 1.2



Rajah 1.2. Perkembangan emosi moral

Antara perasaan sendiri yang ditonjolkan ialah perasaan gembira, marah, menyesal, bangga, takut, malu, sedih, insaf dan kecewa. Dapatan kajian menunjukkan Teater Forum mencetuskan kesedaran tentang perasaan orang lain. Antara perasaan yang ditonjolkan oleh peserta terhadap orang lain ialah perasaan simpati, benci, belas kasihan, simpati, empati dan menyayangi orang lain. Berikut ialah beberapa bukti analisis data untuk tema perkembangan emosi murid.

Hasil temu bual yang dijalankan dalam gelung pertama menunjukkan peserta memiliki perasaan malu. Perasaan ini merupakan unsur emosi sendiri yang penting untuk perkembangan moral individu. Berikut ialah hasil temu bual tersebut:

“Mula-mula berlakon dalam situasi anti-model... macam ada rasa malu....sebab tak pernah berlakon. Tetapi selepas lakon saya rasa seronok berlakon...sebab ramai kawan-kawan bagi sokongan...macam saya berani cuba berlakon”. [smk Suria/z010/temkumfokus/gel1/5.2.13]

Selain itu, catatan jurnal gelung kedua menunjukkan murid yang melakonkan watak jurulatih pula ada menunjukkan rasa bersalah dan insaf akan kecuaiannya tidak melaksanakan tugas menjaga pelajar dengan baik. Berikut ialah catatan jurnal yang menjadi bukti kenyataan peserta kajian:

Dalam lakonan anti-model, saya rasa bersalah kerana tinggalkan pelajar membuat latihan bola sepak sendiri di padang. Saya tidak patut tinggalkan mereka. Saya patut menunggu mereka di padang sehingga selesai latihan untuk mengelakkan kemalangan seperti yang berlaku kepada Rosdi. [smk Suria/Jur/gel 2/12.3.13].

Dalam pada itu, salah seorang pemerhati dalam gelung kedua memberikan komen bahawa peserta yang melakonkan lakonan anti-model dapat menonjolkan emosi negatif yang dialami oleh mangsa kecederaan. Murid yang memegang watak Rosdi misalnya, dikatakan dapat menunjukkan perasaan sedih kerana kakinya yang patah. Cara watak itu meraung kesakitan dan seolah-olah menangis kerana kecederaan yang dialami mampu menunjukkan penderitaan dan emosi kesedihan yang dialaminya. Peserta kajian berjaya menonjolkan emosi negatif melalui suara dan gerak badan semasa berlakon. [smk Suria/propemer/gel 2/ yoka/11.3.13]

Murid juga secara silih berganti menunjukkan perasaan takut dan berani. Rujuk temu bual berikut:

“Dalam Gelung 1, kami takut juga...sebab tak pernah berlakon...tak yakin. Ramai kawan-kawan tak mahu lakon kerana tak ‘confident’... sebab itu lakonan anti-model kumpulan kami tak bagus”. [smk Sinar /z012/temkumfokus/gel 2/ /012/28.2.13]

Kenyataan temu bual ini disokong juga oleh data jurnal. Salah seorang murid pula mencatatkan (jurnal) bahawa:

Teknik ini membuatkan saya sedar tentang diri saya sendiri. Saya sekarang menjadi jauh lebih berani dari dulu. Dalam lakonan intervensi saya berani berlakon sebagai polis yang garang. Aktiviti ini dapat mengembangkan sifat dalam diri saya dengan mewujudkan keberanian saya. [smk Suria/Jur/gel 1/6.2.13]

Teknik Teater Forum juga mengungkitkan perasaan seronok dan gembira murid. Rujuk temu bual berikut:

“Biasanya kalau baca saja, situasi daripada buku teks... tidak faham...tak ‘interesting’, ... dalam lakonan ada aktiviti...ini menarik kerana kita lakonkan watak dan nilai...ini memang seronok dan ‘we can more understand’ (mudah memahami)...kerana dalam lakonan ada perkara seperti *feeling* (perasaan)... *action* (aksi)...lebih seronok.dan gembira berlakon bersama-sama kawan kumpulan kami”..[smk Suria/013/temkumfokus/gelu2/12.3.13]

Murid juga menyatakan rasa bangga kerana berjaya melibatkan diri dalam teknik Teater Forum. Berikut ialah catatan jurnal murid.

Saya rasa bangga kerana saya dan kumpulan saya berjaya lakonkan anti-model dan intervensi. Aktiviti tadi dapat mengembangkan perasaan hormat kepada guru dan bangga jadi rakan yang suka menolong dan pelajar yang baik seperti watak Tan. Saya bangga dengan kejayaan lakonan saya dan kumpulan saya. [smk Suria/Jur/gel2/12.3.13]

Dalam pada itu, pemerhatian dalam gelung ketiga menunjukkan pelbagai emosi negatif yang dipamerkan oleh peserta. Lakonan anti-model menunjukkan peserta yang melakonkan watak ayah dapat menonjolkan perasaan negatif ayah seperti perasaan marah dengan anak (watak cereka) yang tidak mahu mendengar penjelasan daripada beliau. Peserta menyatakan lakonan anti-model (skrip C) dapat membangkitkan perasaan marah dan kecewa dalam diri mereka terhadap watak cereka (ayah) yang tidak menunjukkan keprihatinan terhadap minat anaknya. [smk Sinar/propemer/gel 3/ros/5.3.13]

Peserta kajian juga mengaku bahawa, Teater Forum mencetuskan emosi belas kasihan terhadap orang lain. Perasaan ini ditunjukkan melalui temu bual berikut:

“Kalau dalam lakonan anti-model..saya berasa simpati dengan watak adik yang dimarahi oleh ibu dan bapanya. Bapa sebagai ketua keluarga perlu memahami perasaan anak..beliau (bapa) patut lebih bersopan santun...tak boleh marah orang dengan kasar”. [smk Suria/015/temkumfokus/gelu3/9.4.13]

Murid juga menunjukkan perasaan negatif seperti benci dan meluat terhadap orang lain. Pemerhatian dalam gelung ketiga juga menunjukkan kemahiran watak dalam mengekspresikan perasaan benci dan meluat mereka. Watak cereka adik, misalnya, dapat menunjukkan emosi membenci situasi dan konflik dalam keluarga dengan ekspresi wajah dan reaksi seperti meninggikan suara. Watak abang dan kakak (watak cereka) juga seolah-olah menunjukkan emosi meluat, benci dan memandang rendah, pilihan cita-cita watak adik yang mahu menjadi penyanyi kononnya kerjaya penyanyi tiada darjat. Mereka menunjukkan perasaan benci kepada kerjaya tersebut dalam lakonan anti-model. [smk Sinar/propemer/gel 3/ros/5.3.13]


Catatan jurnal murid juga menunjukkan, mereka mempunyai perasaan empati terhadap orang lain. Misalnya,

Aktiviti lakonan anti-model menyedarkan saya. Saya rasa simpati dan empati dengan watak Wilson yang dimarah oleh pegawai polis. Tetapi apabila Wilson marah polis, saya simpati pula kepada polis kerana beliau tidak patut dituduh sebagai polis rasuah oleh Wilson. [smk Sinar/Jur/ gel 1/23.1.13]

Sementara itu, pemerhatian lakonan intervensi menunjukkan peserta yang memegang watak-watak cereka seperti watak ayah, ibu, kakak dan abang berjaya menonjolkan perasaan seperti simpati, belas kasihan dan menyayangi watak adik. Sebagai contoh perasaan sayang ditunjukkan oleh watak ibu (watak cereka) dengan aksi mengusap rambut kepala adik, melalui ekspresi wajah dan bercakap dalam nada yang lembut serta memujuk. Begitu juga watak adik (watak cereka) menunjukkan perasaan sayang kepada ibu dan bapa dengan aksi memeluk kedua-dua ibu bapanya dengan gembira. Adik juga mengeluarkan air mata dalam menggambarkan emosi terharu terhadap ibu dan ayah yang sanggup memahami perasaan dan minatnya dalam bidang nyanyian. [smk Suria/propemer/gel 3/yoko/8.4.13].

Amalan Moral

Sebanyak sepuluh amalan moral yang selaras dengan nilai dan norma masyarakat Malaysia telah dikenal pasti dalam kajian ini. Kesemua amalan ini telah diulang dalam ketiga-tiga gelung kajian oleh peserta. Antara amalan moral peserta yang dikenal pasti ialah melaksanakan tugas, bekerja bersama-sama, bertolak ansur, berketerampilan dalam menyelesaikan konflik moral, bersikap berani, menunjukkan sikap berdikari, saling menolong, menepati masa, berbudi pekerti mulia dan rajin berusaha. Rujuk rajah 1.3.



Rajah 1.3. Amalan Moral Peserta Kajian

Dalam pada itu, pemerhatian dalam sesi lakonan intervensi juga menunjukkan amalan melaksanakan tugas oleh murid. Murid bersungguh-sungguh melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka secara baik. Para peserta juga bertanggungjawab membawa props seperti papan tanda, topi, pakaian seragam pegawai polis, wisel dan pistol mainan untuk membuat persembahan yang lebih realistik. Peserta kajian kumpulan ini berjaya melakonkan watak Wilson dan watak polis (watak cereka) dengan baik. [smk Sinar/propemer/gel 1/ros/22.1.13]

Teater Forum juga menjadikan murid bekerja bersama-sama. Peserta bekerjasama dalam kumpulan. Rujuk temu bual berikut:

“Ya... boleh...macam kerjasama antara ahli kumpulan kami. Macam dalam situasi lakonan di sekolah, kami bekerjasama menjayakan lakonan intervensi ini. Amalan kerjasama yang ketara dalam hati pelajar menyebabkan lakonan intervensi berjaya”. [smk Cahaya/017/temkumfokus/gel 2/22. 2.13]

Amalan bertolak ansur murid pula dicatatkan begini dalam catatan jurnal mereka. Antara contoh cacatan jurnal ialah:

Saya ada tunjukkan amalan bertolak ansur dengan peserta kajian yang lain. Walaupun kawan saya lupa dialog, saya sabar dan tidak marah. Saya perlu sabar kerana saya bekerja secara kumpulan dan ‘team-work’, yang besar. [smk Sinar/Jur/gel 2/27.2.13]

Peserta kajian juga menunjukkan sikap berketerampilan menyelesaikan konflik moral. Pemerhatian dalam gelung ketiga menunjukkan peserta kajian berkeyakinan tinggi dan cekap dalam melaksanakan lakonan intervensi. Peserta kajian menunjukkan keyakinan dalam melakonkan watak

ayah yang mempunyai nilai bertanggungjawab, watak ibu dan ahli keluarga yang lain dengan baik. Keyakinan mereka dalam melontarkan dialog dan aksi seperti menangis dan mewujudkan suasana gembira dalam keluarga juga dapat digambarkan dengan baik. Peserta juga dikatakan mengambil peranan menggantikan watak negatif (anti-model) dengan watak positif dengan penuh keyakinan. [smk Sinar /propemer/gel 3/Ros/5.3.13]

Selain itu hasil temu bual juga menunjukkan murid berani menghadapi cabaran. Berikut ialah bukti temu bual peserta kajian.

“Memang berguna...macam nilai berani keluar untuk berlakon...yakin ucapkan dialog,... berdrama dan.. forum boleh digunakan dalam subjek lain...dalam ujian lisan Bahasa Melayu, kita boleh berani lagi membentuk nilai moral kita sebagai manusia”. [smk Cahaya/017/temkumfokus/gel 2/22. 2.13]

Murid juga mengamalkan sikap berdikari. Peserta mengaku kesemua latihan teater dilaksanakan oleh mereka sendiri. Rujuk temu bual berikut:

“Lakonan pun kami buat sendiri...kami latih sendiri selepas waktu sekolah...biasanya 20 minit kita gunakan untuk latihan setiap hari...kita cuba tonton YouTube untuk dapatkan cara berlakon”. [smk Suria /013/temkumfokus/gel 2/12. 3.13]

Mereka berjaya kerana mereka saling menolong. Bukti amalan saling menolong ditunjukkan melalui catatan jurnal mereka.

Saya selalu amalkan sikap menolong rakan saya untuk menjadikan lakonan kami lebih baik. Oleh sebab ini ialah kerja kumpulan saya selalu tolong kawan seperti menaip skrip dan pinjamkan *Lap Top* saya untuk digunakan. [smk Cahaya/Jur/gel 3/11.4.13]

Seterusnya, analisis data pemerhatian juga memaparkan amalan menepati masa yang ada pada peserta kajian. Catatan pemerhatian menunjukkan peserta kajian memulakan lakonan anti-model dan intervensi pada masa yang ditetapkan. Peserta juga dapat merancang waktu untuk lakonan anti-model, sesi forum dan lakonan intervensi. Hal ini telah memudahkan kerja-kerja seperti menyusun meja dan kerusi seperti sedia kala dan membersihkan ruang lakon dalam kelas dapat dilaksanakan mengikut waktu. Sikap peserta seperti membazirkan masa untuk menyiapkan ruang lakon, tidak menamatkan lakonan anti-model mengikut waktu yang ditetapkan, tidak bersemangat dan melengah-lengahkan masa untuk keluar ke hadapan kelas untuk berlakon walaupun nama kumpulan sudah dipanggil tidak berlaku lagi. [smk Sinar/propemer/gel 1/ros/22.1.13]

Selain itu, analisis data pemerhatian menunjukkan amalan berbudi pekerti mulia peserta kajian. Peserta menunjukkan budi pekerti, tingkah laku yang mulia dan berbudi bahasa kepada guru dan juga kepada rakan kolaborasi. Mereka menegur guru (penyelidik) dengan bersopan. Peserta juga menggunakan bahasa yang sopan semasa berkomunikasi dengan ahli kumpulan mereka. Murid bersurai selepas mengucapkan “terima kasih” kepada guru (penyelidik) setiap kali selepas tamat waktu pengajaran. Kemesraan di antara guru dan murid juga dapat dilihat dengan aksi melambai tangan oleh murid-murid perempuan diiringi kata “bye..bye” dan aksi berjabat tangan dengan guru (penyelidik) oleh segelintir murid lelaki sebelum bersurai. Sikap seperti ada pelajar yang tidak bangun untuk mengucapkan salam sebelum kelas dan selepas kelas seperti yang berlaku di peringkat awal (kelas pertama) tidak kelihatan lagi. [smk Suria/propemer/gel2/yoko/12.3.13]

Dalam pada itu, catatan jurnal peserta menunjukkan peserta kajian rajin menghadiri latihan Teater Forum setiap hari juga mengesahkan lagi amalan kerajinan mereka. Peserta rajin datang ke sekolah pada waktu petang untuk menghadiri latihan dan untuk membuat peralatan (*prop*) untuk lakonan. Peserta tidak jemu untuk menghadiri latihan yang diadakan pada setiap hari. Peserta sanggup mengorbankan masa dan tenaga untuk menjayakan lakonan anti-model dan intervensi. Mereka menunjukkan dedikasi dalam membuat persiapan lakonan dengan bersemangat, tekun, dan gigih. [smk Cahaya/propemer/gel 3/11.4.13]

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Hasil kajian menunjukkan Teater Forum mampu mengembangkan aspek penaakulan moral murid tingkatan empat. Proses penaakulan moral murid melibatkan perkembangan tiga unsur taakulan iaitu pemikiran yang munasabah, pertimbangan yang teliti dalam membuat keputusan dan justifikasi terhadap tindakan yang diambil. Justeru, dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Chang (1998) dan (Colby & Kohlberg, 2011) bahawa respons terhadap situasi yang berstruktur oleh murid (dalam konteks kajian ini, empat langkah dalam Teater Forum) dapat mencungkil tahap tertinggi pemikiran, pertimbangan dan penaakulan moral.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan teknik Teater Forum dapat digunakan untuk mengembangkan kemahiran kognitif seperti penaakulan, pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kemahiran ini perlu bagi setiap murid untuk mendepani cabaran yang akan ditempuh dalam kehidupan dewasa, agar mereka dapat menyelesaikan konflik secara harmoni dan bijak membuat pertimbangan. Selain itu, kemahiran ini juga membantu murid berpegang kepada prinsip ketika berada dalam situasi yang kritikal, berani melakukan sesuatu yang betul serta berfikir secara kritis di luar konteks akademik seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Dalam pada itu, hasil kajian juga menunjukkan Teknik Teater Forum sesuai digunakan untuk mengkaji emosi moral murid, dalam suasana yang kondusif, aktif dan menggembirakan mereka. Unsur emosi tidak dapat diketepikan dalam sistem pendidikan negara yang berhasrat untuk membentuk individu penyayang yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan negara (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Keempat-empat langkah Teater Forum, telah memberikan peluang kepada murid untuk mencetus dan menyuburkan emosi moral khususnya dari aspek kewujudan pelbagai perasaan sendiri dan kesedaran terhadap perasaan orang lain.

Justeru, dapatan kajian ini menyokong hasil kajian Gamwell (2005), bahawa seni teater seperti Teater Forum membangunkan pemahaman kemanusiaan, nilai dan kemahiran di samping membantu murid mencapai keupayaan untuk “merasai”, berimajinasi dan meningkatkan perasaan empati terhadap orang lain. Dapatan kajian ini juga selaras dengan kajian Babbage (2004), bahawa Teater Forum meningkatkan kesedaran emosi dan imajinasi.

Teater Forum sesuai digunakan untuk mengkaji aspek amalan moral murid di bilik darjah secara langsung. Hasil kajian menunjukkan Teater Forum dapat mengembangkan beberapa amalan moral dalam kalangan peserta. Keempat-empat langkah Teater Forum memberikan peluang kepada murid untuk menterjemahkan penaakulan, emosi dan nilai moral yang dipelajari ke dalam bentuk amalan moral. Semua amalan ini ialah amalan murni dan norma masyarakat Malaysia seperti yang dituntut dalam program Pendidikan Moral (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000).

Benarlah kata-kata Boal (2008), bahawa teater juga lebih dekat dengan psikologi. Setiap pelakon di pentas beraksi, berfikir, beremosi (empati), merasai, meluahkan dan berinteraksi. Semua watak dan perwatakan mereka dapat ditonton di bilik darjah. Teater Forum membantu murid mempelajari cara untuk merasai apa yang dirasai oleh orang lain, dan cara untuk berfikir dengan berfikir seperti orang lain serta cara bertindak dengan beraksi seperti orang lain (Boal, 2008). Ciri-ciri inilah yang membolehkan Teater Forum menjadi metodologi untuk mengkaji aspek kemoralan manusia kerana kedua-dua bidang teater dan psikologi ini masih mengkaji manusia dari dimensi kognitif, afektif dan psikomotor.

Jelasnya, teknik pengajaran interaktif ini mampu memberikan peluang kepada murid sedar dan terlibat secara kognitif, melihat sesuatu konflik moral secara kritis, mencari penyelesaian kepada masalah serta melahirkan murid yang memiliki sensitiviti moral, perasaan dan tingkah laku moral seperti yang dituntut dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Pukal Latihan KBSM, Falsafah Pendidikan Negara, 1990). Secara keseluruhannya Teater Forum membantu murid menguasai kemahiran insaniah yang diperlukan oleh negara seperti yang diaspirasikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

KESIMPULAN

Kajian ini menyuluh cahaya dalam perkembangan bidang pedagogi pengajaran Pendidikan Moral. Pendedahan teknik yang inovatif ini diharap menjadi satu nilai tambah dalam misi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di negara kita. Gelombang transformasi pendidikan negara menuntut guru dan institusi pendidikan untuk melahirkan individu yang memiliki kemahiran kognitif seperti aplikasi, penaakulan serta emosi moral kerana elemen-elemen ini mempengaruhi tingkah laku murid dalam mendepani cabaran globalisasi serta sebagai persediaan menghadapi keperluan abad ke-21.

RUJUKAN

- Abdul Shatar bin Che Abdul Rahman. (2009). *Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral tingkatan empat di sebuah sekolah*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abrahams, F. (2005). Transforming classroom music instruction with ideas from critical pedagogy. *Music Educators Journal*, 92(1), 62-67.
- Alam Sher Malik. (2012, May 27). Teaching is a performing art: Enliven the lesson at all its stages. *New Sunday Times*, p. 25.
- Babbage, F. (2004). *Augusto Boal*. New York, NY: Routledge.
- Boal, A. (2006). *The aesthetics of the oppressed*. Oxford, UK: Routledge.
- Boal, A. (2008). *Theatre of the oppressed* (new edition). London, UK: Pluto Press.
- Boeije, H. (2010). *Analysis in qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. New York, NY: Pearson.
- Barone, T. (2004). Moral Dimension of teacher-student interactions in Malaysian secondary schools. *Journal of Moral Education*, 33(2), 179-196.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research psychology*, 3, 77-101.
- Chang, L. H. (2007, Jun). *Moral reasoning of Malaysian adolescents*. Paper presented at the International Conference on Learning, Johannesburg, South Africa.
- Chia, Y. L. (2007). *Alternative Method of Teaching Moral Values: Concretization Of Moral Values*. Diakses daripada www.ipbl.edu.my/bm/penyelidikan/.../2007/.../chiabengkelIPSfp.pdf
- Chow, F. M., & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep & amalan dalam pendidikan*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Colby, A., & Kohlberg, L. (2011). *The measurement of moral judgement volume I*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basics of qualitative research* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

- Day, L. (2002). Putting yourself in other people's shoes: The use of forum theatre to explore refugee and homeless issues in schools. *Journal of Moral Education*, 31(1), 21-34.
- Dennis, B. (2009). Acting Up: Theatre of the Oppressed as Critical Ethnography. Diakses daripada <http://creativecommons.org/licenses/by/2.0>
- Gamwell, P. (2005). Intermediate student's experiences with an arts-based unit: An action research. *Canadian Journal of Education*, 28(3), 359-383.
- Gourd, K. M., & Gourd, T. Y. (2011). Enacting democracy: Using Forum Theatre to confront bullying. *Equity & Excellence in Education*, 44(3), 403-419.
- Hewson, A. (2007). Emotions as data in the Act of Jokering Forum Theatre. *International Journal of Education & the Arts*, 8(18), 1-29. Diakses daripada <http://www.ijea.org/v8n18/>
- Ibrahim Bajunid. (2012, June 22). Education reforms that are ideal: Matters that need attention: Consensus building crucial to charting our future. *New Straits Times*, p. 18.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2000). *Sukatan pelajaran Pendidikan Moral KBSM*. Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The Action research planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.
- Kincheloe, J. (2008). *Knowledge and critical pedagogy: An introduction*. Amsterdam, The Netherlands: Springer.
- Liau, A. K., Liau, A. W. L., Teoh, G. B. S., & Liau, M. T. L. (2003). The case for emotional literacy: The influence of emotional intelligence on problem behaviours in Malaysian secondary school students. *Journal of Moral Education*, 32(1), 51-66.
- McNiff, J., & Whitehead, J. (2010). *You and your action research project* (3rd ed.). London: Routledge.
- Osburn, K. M. (2010). *Forum Theatre Empowering Students to Speak, Act and Know*. Kertas projek, ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan. Western Kentucky University. Diakses daripada http://digitalcommons.wku.edu/stu_hon_theses/245
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Diakses daripada www.moe.gov.my. Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Falsafah Pendidikan Negara. (1990). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rest, J. (1984). The major components of morality. Dalam W. Kurtines & J. Gewirtz (Eds.), *Morality, moral development and moral behaviour* (pp. 24-38). New York, NY: Wiley.
- Richards, L., & Morse, J. M. (2007). *Readme first for a user's guide to qualitative methods*. London: Sage.
- Rutten, E. A., Biesta G. J. J., Dekovic, M., Stams, G. J. J. M., Schuengel C., & Verweel, P. (2010). Using forum theatre in organized youth soccer to positively influence antisocial and prosocial behaviour: A pilot study. *Journal of Moral Education*, 39 (1), 65-78.
- Vishalache Balakrishnan. (2009). *Teaching Moral Education in secondary schools using real-life dilemmas*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Victoria University of Wellington.

Zainul Arifin Md. Isa. (2012, June 13). Grads without soft skills victims of system.
New Straits Times, p. 19.